

JTLM MENGANJURKAN KURSUS SELAM SKUBA 'OPEN WATER' DAN 'ADVANCED' UNTUK PENDUDUK TEMPATAN PULAU TIOMAN, PAHANG

Oleh:

Izarenah Md Repin

Satu program Kursus Selam Skuba 'Open Water' dan 'Advanced' telah diadakan untuk penduduk tempatan Pulau Tioman, Pahang masing-masing pada 13-17 Oktober dan 10-14 November 2008. Secara keseluruhannya seramai 12 orang peserta yang terdiri daripada wakil penduduk dari 5 buah kampung di Pulau Tioman iaitu Kg. Tekek dan Air Batang, Kg. Salang, Kg. Mukut, Kg. Juara dan Kg. Paya Genting telah terpilih untuk menyertainya.

Program Selam Skuba ini adalah pertama kalinya dianjurkan oleh JTLM di bawah Bahagian Pengurusan Taman dan Pembangunan dan Unit Ekopelancongan menerusi Projek GoM/UNDP/GEF: *Marine Park* iaitu satu projek usahasama antara JTLM yang mewakili Kerajaan Malaysia (*Government of Malaysia, GoM*), United Nations Development Programme (UNDP) dan Global Environment Facility (GEF). Ia adalah bertujuan bagi membantu penduduk tempatan di pulau-pulau Taman Laut Malaysia seperti Pulau Tioman, menjana pendapatan alternatif mereka. Dengan lahirnya penyelam skuba yang diiktiraf menerusi program ini, maka adalah diharapkan agar mereka dapat berkecimpung dalam sektor eko-pelancongan sebagai pemandu pelancong 'dive guide'. Selain itu, nilai-nilai kesedaran terhadap kepentingan ekosistem marin yang diterapkan semasa program tersebut dapat serba sedikit memberi pendedahan kepada para peserta untuk bersama-sama pihak JTLM menjaga dan memelihara khazanah marin di persekitaran perairan halaman mereka di Pulau Tioman. Para peserta program selam skuba ini telah dilatih oleh Jurulatih Selam Skuba dari JTLM sendiri iaitu En. Abdul Manap B. Abdullah.

Kursus Selam Skuba ini juga telah diadakan pada tahun ini di pulau-pulau Taman Laut yang lain iaitu Pulau Redang, Terengganu dan Pulau Sibul serta Pulau Tinggi, Johor.

Dengan sambutan yang menggalakkan dari penduduk tempatan di pulau-pulau tersebut terhadap program seumpama ini, pihak JTLM akan berusaha untuk meneruskan penganjurannya di tahun-tahun akan datang.



Latihan di dalam air



En. Abdul Manap memberi tunjuk ajar kepada penyelam



Para peserta selam skuba bersama Jurulatih



Para peserta bergambar di dalam air